

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI MAJLIS PASAR RIA LEMBAGA KEBAJIKAN  
PEREMPUAN-PEREMPUAN ISLAM,  
PADA 31 JULAI 1967**

---

**Puan Pengerusi,  
Duli Yang Mulia Tengku Puan Besar Kursiah,  
Yang Berhormat Encik Khir Johari,  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian:**

**S**aya sukacita kerana dijemput hadir di Majlis Pasar Ria hari ini dan diberi penghormatan pula untuk merasmikan Pasar Ria mengutip derma Bangunan Lembaga Kebajikan Perempuan-perempuan Islam ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tengku Puan Kursiah, Che' Tom, dan ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan-perempuan Islam yang lain kerana telah berusaha semenjak beberapa lama memungut derma bangunan Lembaga. Saya sangat sukacita mendengar yang setakat ini Lembaga Islam telahpun memungut sebanyak \$20,000 tetapi masih berkehendakkan sebanyak \$100,000 lagi untuk mendirikan sebuah bangunannya sendiri di Lembah Pantai berhampiran dengan Universiti Malaya.

Saya dan Kerajaan Perikatan memandang tinggi atas usaha-usaha ini dan Kerajaan akan sentiasa menolong badan-badan seperti Lembaga Kebajikan Islam ini. Saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan akan menolong memberi wang kepada badan ini berdasarkan kepada "*dollar-to-dollar contribution*" atau Kerajaan akan memberi sumbangan sama banyak dengan jumlah yang dapat dikutip oleh Lembaga ini.

Apa yang dilafazkan oleh Duli Yang Mulia Tengku Besar Kursiah tadi memanglah betul bahawa kemajuan, keteguhan dan kebaikan negara kita pada masa-masa akan bergantung kepada kualiti, kebolehan dan kebaikan wanita-wanita Malaysia yang menjadi ibu-ibu yang bakal menjadi ibu-ibu kepada rakyat Malaysia keturunan hadapan. Jika wanita-wanita dan ibu-ibu Malaysia semua berpelajaran, sihat dan berperangai baik, sopan santun, maka sudah tentu rakyat kita masa akan datang akan mempunyai sifat-sifat yang mulia ini; sopan santun, sihat, berpelajaran dan berperangai baik dan sebaliknya jika kaum ibu kita lemah, sentiasa ketinggalan masa dan dipengaruhi oleh perkara-perkara yang bukan-bukan dan karut, maka mereka akan melahirkan rakyat yang lemah dan tidak mempunyai kebolehan-kebolehan untuk mengejar kemajuan-kemajuan dan hidup sesuai dengan tuntutan zamannya.

Baiklah, saya berhati-hati waktu membuat ucapan kepada kaum wanita kerana masih ada lagi golongan-golongan wanita kita di sini yang sangat cepat terasa hati oleh kerana mereka masih ditolak oleh perasaan. Dan baiklah saya berhati-hati dalam ucapan saya ini supaya jangan lagi ada puak-puak yang terasa hati. Tetapi saya tidak boleh pula berdiam diri sahaja apa lagi dengan

perkembangan yang berlaku akhir-akhir ini di kalangan pergerakan wanita-wanita Melayu dan Islam di Ibu Kota ini. Waktu membaca surat-surat khabar di akhir minggu ini, saya dapati satu lagi pertubuhan wanita baru telah ditubuhkan yang bernama PERTIWI, ataupun Pertubuhan Tindakan Wanita Islam. Kelahiran PERTIWI patutlah dialu-alukan oleh seluruh kaum wanita Melayu dan Islam khususnya, juga oleh wanita-wanita Malaysia amnya dan oleh kaum lelaki juga. Saya diberitahu yang PERTIWI ini akan bergiat untuk mencapai keadilan bagi kaum wanita Melayu dan Islam di negara ini. Mereka mahu undang-undang perkahwinan dan perceraian dijalankan dengan adil, mereka mahu menghapuskan kepercayaan-kepercayaan karut, dan mengkaji adat resam dan mereka berjanji untuk menyokong pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain yang sama tujuannya dengan PERTIWI. Saya juga mengalu-alukan pertubuhan PERTIWI ini dan saya harap oleh kerana tujuan-tujuannya hampir sama sahaja dengan tujuan-tujuan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Tanah Melayu maka kedua-dua badan ini haruslah bekerja sama dengan rapat untuk mencapai tujuan-tujuan kedua-dua pertubuhan ini. Dan jika boleh supaya badan-badan seperti ini dapat menggembelikan tenaga menjadi satu supaya perjuangan mereka akan lebih berkesan, lebih pesat dan mungkin boleh terlibat dalam pelaksanaan-pelaksanaan cita-cita itu lebih awal atau sekurang-kurangnya kejayaannya ada harapan atau harapannya terjamin.

Kedua-dua Pertubuhan ini bertujuan untuk meninggikan taraf kaum wanita Islam di sisi Undang-undang Agama dan Undang-undang Nikah Kahwin dan Cerai Berai, dan juga untuk memperbaiki jasmani, akhlak, dan rohani perempuan-perempuan Islam. Saya tertarik hati kepada satu daripada tujuan-tujuan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Tanah Melayu, iaitu, mereka tidak menghadkan perjuangan mereka kepada wanita-wanita di bandar-bandar atau di Ibu Kota sahaja tetapi dititikberatkan tentang kedudukan dan taraf wanita Islam yang tinggal di luar bandar. Di sanalah banyak mereka tinggal. Keseluruhannya, memang banyak perubahan-perubahan yang telah dibuat untuk meninggikan lagi taraf wanita-wanita Melayu dan Islam dan memberi mereka keadilan dan persamaan tetapi banyak lagi yang mesti diperjuangkan oleh mereka sendiri. Mereka yang menghendaki kepentingan-kepentingannya dijuarakan adalah kaum-kaum ibu kita yang tinggal di luar bandar yang masih memerlukan pimpinan dan asuhan. Saya harap pertubuhan-pertubuhan wanita Islam dan Melayu tidak hanya bergiat di kalangan orang-orang bandar atau 'cerdik pandai' sahaja, tetapi hendaklah perjuangan itu dititikberatkan kepada saudara-saudara mara kita di luar bandar.

Semenjak kemerdekaan kita, dan oleh kerana perkembangan dan kemajuan pelajaran di kalangan orang-orang Melayu di luar bandar, maka banyak anak-anak kampung termasuk banyak gadis-gadis telah dapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran masing-masing di bandar-bandar besar khususnya di Ibu Negara kita.

Saya tahu yang banyak anak-anak muda kita yang belajar di '*Sixth Form*' yang menumpang saudara-saudara dan yang tidak ada saudara menyewa di rumah-rumah orang. Dalam golongan ini banyak gadis-gadis. Hostel-hostel Kerajaan tidak mencukupi lebih ramai lagi anak muda kita yang bekerja taipis, guru-guru, '*stenographer*' dan lain lagi, kebanyakan mereka ini adalah wanita-

wanita Melayu. Dan setengah-setengahnya tinggal dengan saudara tetapi kebanyakannya berkongsi tinggi di flat, di apartment atau rumah, ada di tempat yang baik, ada pula di tempat-tempat yang kurang baik atau sihat.

Perkara ini boleh di atasi oleh Pertubuhan-pertubuhan seperti Lembaga ini dan PERTIWI dengan mengadakan hostel-hostel ataupun rumah-rumah tumpangan - *'boarding houses'*. Saya rasa jika badan-badan Melayu boleh membuat ini maka inilah sebesar-besar pertolongan pertubuhan-pertubuhan wanita kita boleh menolong anak-anak gadis dan teruna Melayu dan Islam yang banyak bekerja di Kuala Lumpur dari bandar-bandar yang kecil. Jika mereka tinggal di hostel maka mereka bolehlah dikawal dengan disiplin dan tertib-tertib mengikut agama dan adat kita dan mereka boleh hidup bermasyarakat. Saya memuji Gerakan Young Women Christian dan Young Men Christian Association - Y.M.C.A. Mereka mengadakan hostel-hostel untuk orang-orang muda baik lelaki dan perempuan dengan tidak kira bangsa dan agama sungguhpun keutamaan diberi kepada pemeluk-pemeluk agama Kristian. Pertubuhan ini adalah berupa universal. Saya tahu banyak muda mudi Melayu dan Islam yang pernah tinggal dan masih menumpang di hostel-hostel YMCA dan YWCA.

Mereka membangunkan hostel-hostel ini melalui usaha-usaha seperti yang dijalankan oleh Lembaga Islam dan Kerajaan pun ada membantunya. Saya berharap tidak lama lagi Lembaga ini akan dapat mendirikan bangunan sendiri dan mempunyai hostel untuk gadis-gadis Melayu yang bekerja ataupun menghadiri pra-University Classes yang tidak ada saudara mara di Ibu Kota.

Saya berharap Pertubuhan-pertubuhan Wanita Islam janganlah hanya sibuk dengan Undang-undang Nikah Kahwin dan Cerai Berai sahaja. Tidak lagi boleh dinafikan yang Undang-undang ini mesti diperbaiki lagi, tetapi saya sungguh-sungguh berharap supaya banyak lagi usaha-usaha, tenaga dan fikiran pemimpin-pemimpin wanita kita ditumpukan juga kepada pendidikan wanita-wanita, pelajaran anak-anak dan menggesa wanita-wanita untuk menjadi ibu-ibu yang lebih berjaya dan bersemangat baru, sesuai dengan masa dan mendidik anak-anak yang sihat.

Tolonglah nasihat dan didik kaum wanita kita supaya timbul di kalangan mereka kesedaran dan semangat untuk berjuang mencari keadilan, membebaskan diri dari dipengaruhi oleh kepercayaan-kepercayaan yang karut-karut yang boleh menyebabkan tersekatnya kemajuan mereka sendiri dan anak cucu mereka, didiklah mereka supaya mereka berjimat cermat; supaya mereka pentingkan pelajaran dan kesihatan anak-anak dan kesejahteraan suami masing-masing daripada barang-barang emas, peti-peti talivisyen atau mengejar hiburan seperti menonton wayang dan Iain-lain lagi.

Satu daripada perkara-perkara yang saya suka memberi nasihat kepada pertubuhan-pertubuhan, khususnya pertubuhan-pertubuhan wanita, supaya mereka janganlah terlampau *"ambitious"* sangat. Kerana kalau terlampau *"ambitious"*, mereka akan keciwa kalau cita-cita besar mereka itu tidak boleh dicapai. Saya berharap mereka berjalan perlahan-lahan, tetapi tegas dan tabah dengan cita-citanya. Pergerakan dan dasar mereka hendaklah selari dengan kesanggupan *mental* dan penerimaan orang-orang kita khususnya wanita-wanita itu sendiri. Janganlah kita pergi *"ahead of time"* atau berbuat atau bertindak di atas perkara-

perkara yang tidak boleh difaham dan diterima oleh masyarakat kita waktu ini.

Satu rahsia kejayaan pertubuhan-pertubuhan, baik pertubuhan-pertubuhan politik atau sebaliknya, ialah "*ability*" dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan itu menyesuaikan dasar-dasar mereka dengan kenyataan atau "*facts of life*" ditanahair dan juga kerana tidak mencuba untuk pergi lebih laju daripada kesanggupan; penerimaan dan kesedaran masyarakat itu. Kerana kita semua manusia maka terpaksa kita berpijak kaki di bumi dan bagi mereka yang hendak menjadi pemimpin-pemimpin bagi masyarakat yang kesedarannya seperti bangsa kita masa ini, mustahak mereka memahami orang-orang Melayu dengan berpijak kaki di bumi luar bandar. Pemimpin-pemimpin wanita dari bandar yang hendak mengerti dan menghargai kehendak-kehendak wanita, harapan dan kekecewaan mereka, hendaklah turun ke kampung-kampung, jangan hanya melawat ke kampung-kampung semasa musim buah-buahan saja, tetapi sering. Cara inilah sahaja mereka akan dapat menghadapi "*reality*" kehidupan dan kemajuan *mental* yang sudah dicapai dan kesanggupan mereka untuk menerima perubahan-perubahan baru. Janganlah kehidupan di kota, apa lagi di tempat-tempat yang baik, mengkhayalkan kita semua.

Orang-orang perempuan Islam di kampung-kampung dan di bandar yang dari kelas bawahan yang sangat memerlukan pimpinan dan keadilan. Medan perjuangan adalah di kalangan ini dan kalau satu-satu gerakan itu tidak dapat sokongan daripada golongan ini; nampaknya, cita-cita itu akan lambat tercapai. Sebab itulah saya katakan tadi, perjuangan kita, baik dalam politik ataupun dalam masyarakat di kalangan orang-orang Melayu, mesti berakar umbi di kampung-kampung, bukan di Lembah Pantai atau Kenny Hill, ataupun di Bukit Persekutuan. Selagi pertubuhan-pertubuhan kita tidak dapat menggerakkan wanita-wanita di desa-desa dan di kampung-kampung maka pertubuhan-pertubuhan itu hanya akan menjadi forum beberapa orang saja, mengeluarkan pendapat-pendapat yang tidak disokong, kadang-kadang yang sedihnya, tidak pun difahami oleh segolongan besar rakyat wanita di negara ini. Carilah teras kekuatan dengan cara melawat ke kampung-kampung pada hari-hari minggu dan tidak ke temasya-temasya perlumbaan kuda atau menghadiri "*curry-lunch party*" atau hanya berbincang antara satu sama lain saja.

Saya sukacita mengumumkan di sini, satu daripada hasil keputusan Persidangan Kaum Ibu UMNO tahun lalu, ialah mendesak supaya satu Badan atau Jabatan di Peringkat *Federal* ditubuhkan untuk mentadbirkan hal ehwal agama dan berkaitan dengan kemasyarakatan Islam. Sekarang, Kerajaan telahpun melantik satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara untuk menubuhkan satu Badan atau Jabatan ini. Satu laporan dijangka siap pada bulan Oktober 1967 ini untuk dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu dan untuk diluluskan. Setelah diluluskan kelak, maka Badan atau Jabatan di Peringkat *Federal* itu akan ditubuhkan.

Perkara tuntutan Kaum Ibu UMNO dan badan-badan yang lain berkenaan dengan mengetatkan Undang-undang Nikah dan Cerai, telahpun merujukkan perkara ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengesah dan melaksanakannya. Saya akan menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mempersetujui dan melaksanakan undang-undang baru ini yang akan

mengetatkan peraturan **nikah** dan **cerai** untuk memberi faedah dan keadilan kepada kaum-kaum **wanita**.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pembukaan Pasar Ria ini dengan **rasminya**.

**Terima** kasih.